

0074
B B357 DEB
MAHATHIR - BAHASA

(EMBARGO UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI)

KUALA LUMPUR, 30 APRIL (BERNAMA) -- TUJUAN KERAJAAN MENDIRIKAN UNIVERSITI IALAH UNTUK MELAHIRKAN INTELEK YANG MENJADI AGEN PERUBAHAN MASYARAKAT DAN BUKAN UNTUK MENCIPTA GOLONGAN ELIT INTELEK SEMATA-MATA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

ILMU DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI PERLU DISERAPKAN KE DALAM MASYARAKAT DEMI MEMASTIKAN ASPEK-ASPEK ILMU MEMANFAATKAN MEREKA, KATANYA PADA MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAHASA ANJURAN PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA DAN PUBLIC BANK DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA BAHAWA BAHASA KEBANGSAANLAH YANG MERUPAKAN SALURAN ILMU YANG PALING BERKESAN KERANA KEBANYAKAN RAKYAT TIDAK BOLEH MENGUASAI BAHASA ASING.

+OLEH KERANA ITU, MAKA WAJARLAH AHLI-AHLI ILMU MENGHASILKAN KARYA DALAM BAHASA KEBANGSAAN,+ KATANYA.

+SUDAH SAMPAI MASANYA PETANI MENIKMATI FAEDAH DARIPADA KAJIAN SAINS UNTUK MEMAJUKAN PERTANIAN MENERUSI KAEDAH PERTANIAN MELALUI TULISAN YANG MUDAH DALAM BAHASA KEBANGSAAN.+ -- LAGI.
2114MST 30 04 86

D839

U B348 DEB
MAHATHIR - BAHASA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA USAHLAH DIPERSOALKAN MENGENAI BAHASA KEBANGSAAN SEBAGAI BAHASA PENGANTAR ILMU KERANA IA HANYALAH BERERTI APABILA ADA USAHA PENGISIANNYA.

JIKA USAHA KE ARAH ITU DIHALANGI OLEH SEBAB SEPERTI DORONGAN DAN PENGIKHTIRAFAN, MAKA WAJARLAH PIHAK UNIVERSITI MERUMUSKAN RANCANGAN INDUK UNTUK MENGHASILKAN BUKU ILMIAH DALAM BAHASA KEBANGSAAN, TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHASA, ILMU DAN BUDAYA ADALAH SOAL YANG SAMA PENTINGNYA DENGAN BIDANG SEPERTI POLITIK, EKONOMI, KESELAMATAN DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA.

+KITA DAPAT MELIHAT PERKEMBANGAN BAHASA, BUDAYA DAN ILMU SEKALIGUS JIKA KITA MENOLEH KE ZAMAN KEGEMILANGAN RANTAU INI SEBAGAI PUSAT KEBUDAYAAN, PERDAGANGAN DAN KUASA POLITIK.

+KEGEMILANGAN EMPAYAR MELAYU PADA ZAMAN SILAM BUKANLAH TERLETAK PADA KEKUATAN POLITIK DAN EKONOMI SEMATA-MATA TETAPI DIIMBANGI OLEH KEKUATAN MENTAL PUJANGGA DAN PEMIKIR MELAYU,+ KATANYA. -- LAGI.
2023MST 30 04 86

D868

U B351 DEB
MAHATHIR - BAHASA 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

BELIAU MENAMAI TOKOH-TOKOH SEPERTI TUN SERI LANANG, HAMZAH FANSURI, NURUDDIN AL-RANIRI DAN LAIN-LAIN SEBAGAI BUKTI PERKEMBANGAN BAHASA, ILMU DAN PEMIKIRAN YANG MEMBENTUK TAMADUN MELAYU SILAM.

PERDANA MENTERI BERKATA ADA GOLONGAN YANG MENDAKWA KONONNYA SERUAN KERAJAAN SUPAYA RAKYAT MEMPELAJARI BAHASA ANTARABANGSA TIDAK LAIN BERTUJUAN UNTUK MEMBERI PENEKANAN KEPADA PERKEMBANGAN BAHASA INGGERIS DENGAN MEMBELAKANGKAN PERKEMBANGAN BAHASA MALAYSIA.

+MEMPELAJARI BAHASA ASING TIDAK SAMA SEKALI MENGURANGKAN SEMANGAT MENCINTAI BAHASA SENDIRI KERANA IA TIDAK MENJEJASKAN PENGUASAAN BAHASA KEBANGSAAN JIKA BAHASA ITU DIAJAR DAN DIPELAJARI DENGAN SEMPURNA.

+APA YANG KITA TEKANKAN IALAH MEMPELAJARI BAHASA YANG MEMBANTU KITA KE ARAH PEMBANGUNAN RAKYAT DAN NEGARA,+ KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI.

2108MST 30 04 86

0870

U B352 DEB

MAHATHIR - BAHASA 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

DATUK SER DR MAHATHIR BERKATA RAKYAT LEBIH TERDEDAH KEPADA ILMU DENGAN MENGUASAI PELBAGAI BAHASA.

+SAYA INGIN MENEGASKAN BAHAWA PENGAJARAN BAHASA ASING TIDAK AKAN MERENDAH-RENDahkan BAHASA MALAYSIA DAN TARAFNYA SEBAGAI BAHASA PERPADUAN DAN ILMU,+ KATANYA.

TIGA ORANG PEMENANG MENERIMA HADIAH MASING-MASING MALAM INI. ENCIK AWANG SARIYAN DARI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP) DAN PROF. MADYA HASHIM AWANG DARI UNIVERSITI MALAYA (UM), PEMENANG BERSAMA HADIAH ITU MENERIMA WANG TUNAI \$5,000 SERTA WATIKAH.

PEMENANG HADIAH SAGU HATI IALAH PUAN SHARIFAH ALWIYAH DARI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM) YANG MENERIMA WANG TUNAI \$3,000 SERTA WATIKAH. -- BERNAMA.

2110MST 30 04 86